



جائزہ کے جواز اسلام مابینا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 7000
Faks : 603-8870 7707
Portal Rasmi : www.islam.gov.my

Ruj. Kami : JAKIM.BPI.800-5/1/1 Jld. 7 (24)
Tarikh : 9 October 2017

Semua Penerima Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) Jakim

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Tuan/Puan,

**PROSEDUR PENDAFTARAN TAMAT PENGAJIAN BAGI PENERIMA SKIM
PEMBIAYAAN HAFIZ (SPH) JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah mengeluarkan satu Prosedur Pendaftaran Tamat Pengajian bagi Penerima Skim Pembiayaan Hafiz yang telah menamatkan pengajian dengan jaya dan bertujuan menjelaskan tatacara pendaftaran tamat Pengajian yang wajib dipatuhi oleh penerima Skim Pembiayaan Hafiz (SPH).
3. Prosedur ini boleh dirujuk seperti di **Lampiran A**. Pihak tuan/puan juga hendaklah mengisi borang tersebut secara atas talian di alamat <http://sph.islam.gov.my>.
4. Prosedur ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Kerjasama dan perhatian tuan/puan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, *wassalam*.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(HAJAH ZAWANAH BINTI MUHAMMAD)

Pengarah
Bahagian Pembangunan Insan
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**PROSEDUR PENDAFTARAN TAMAT PENGAJIAN BAGI
PENERIMA SKIM PEMBIAYAAN HAFIZ (SPH)
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

TUJUAN

Prosedur ini bertujuan untuk menetapkan tatacara pendaftaran tamat pengajian bagi pelajar tajaan Skim Pembiayaan Hafiz (SPH), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

LATAR BELAKANG

2. Prosedur pendaftaran Tamat Pengajian ini merupakan satu panduan kepada para Pelajar yang telah menamatkan pengajiannya dengan berjaya.
3. Prosedur ini juga membantu Pelajar memahami tatacara pendaftaran tamat pengajian setelah pelajar menamatkan pengajian sebagaimana yang telah diarahkan.
4. Prosedur ini juga bagi mengelakkan Pelajar daripada melanggar Perjanjian SPH yang boleh menyebabkan SPH dibatalkan dan Pelajar perlu membayar sejumlah wang sebagai ganti rugi kepada pihak Kerajaan Malaysia.

TATACARA PERMOHONAN PENDAFTARAN TAMAT PENGAJIAN

1. Para Pelajar yang ingin memohon kebenaran penangguhan pengajian hendaklah melalui proses berikut :

- 1.1 Mengemukakan permohonan secara atas talian setelah tamat pengajian.
- 1.2 Mengisi dengan lengkap Borang Pendaftaran Tamat Pengajian secara atas talian di <http://sph.islam.gov.my>.
- 1.3 Pelajar hendaklah memuat naik dokumen seperti berikut :
 - 1.3.1 Salinan Ijazah / Surat Pengesahan Senat.
 - 1.3.2 Salinan Transkrip Peperiksaan.
 - 1.3.3 **Bukti pendaftaran pekerjaan dengan Pihak Berkuasa Melantik Persekutuan.(setiap Pelajar wajib isi)**
(Contoh : Suruhanjaya Perkhidmatan Awam)
- 1.4 Semua dokumen hendaklah disahkan oleh pegawai gred Professional dan ke atas atau penghulu mukim.

2. Pelajar hendaklah mengisi dengan lengkap kesemua ruang yang terdapat di dalam borang permohonan secara atas talian. Borang secara atas talian yang tidak lengkap boleh menyebabkan pihak SPH menolak permohonan pelajar.

PINDAAN

3. Apa-apa pindaan kepada prosedur ini tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Jakim.